

Pendirian PM disokong

UM 31 MAR 2002

KUALA LUMPUR 30 Mac — Pelbagai pihak hari ini menyokong pendirian Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menilai semula kerjasama dengan Singapura sekiranya republik itu meneruskan projek penambakan laut tanpa mengambil kira sentimen rakyat Malaysia.

Menurut mereka, Singapura perlu mengambil kira pendirian Malaysia kerana jika republik itu enggan berbuat demikian ia akan memberi kesan langsung kepada kestabilan politik dan perdagangan di rantau ini.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin berkata, kenyataan tegas Dr. Mahathir seharusnya menjadi pendekatan baru kepada Malaysia dalam menangani negara jiran seperti Singapura yang berterusan tidak menunjukkan rasa hormat kepada Malaysia.

Bertegas

Malah beliau mencadangkan supaya kerajaan menilai semula secara keseluruhan hubungan dengan Singapura.

“Kita amat menghargai pendirian tegas dan keyakinan Perdana Menteri dalam isu ini. Di samping itu, kita hendak usulkan supaya kita melihat semula secara keseluruhannya perhubungan dengan Singapura,” tegas beliau ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*.

Sambil mengingatkan Singapura bahawa republik itu masih banyak bergantung kepada Malaysia termasuk bekalan air, Muhyiddin berkata: “Kita berharap kerajaan akan bertegas dan percayalah rakyat akan member-i sokongan padu kerana itulah suara dan keresahan rakyat sebenarnya.”

Menurut Muhyiddin, kerja-kerja penambakan itu yang sebahagiannya dilakukan di dalam kawasan yang dipertikaikan seperti di Tuas, perlu dihentikan untuk usaha mencari penyelesaian sebenar.

“Ini adalah isu kedaulatan serta un-

■ Lihat muka 1

UM 31 MAR 2002

Pendirian PM disokong

dang-undang dan isu moral. Kedua-dua prinsip ini tidak dihormati oleh Singapura.

"Jika prinsip ini tidak dihormati, Malaysia juga tidak harus menunjukkan budi baik terhadap permintaan Singapura dalam banyak isu yang masih tertunggak terutamanya isu perjanjian bekalan air," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam supaya Singapura menghentikan sementara kerja menambak laut jika republik itu mengharapkan kerjasama daripada Malaysia dalam hal-hal lain.

Menurut Dr. Mahathir, tindakan Singapura itu tidak membawa kebaikan dan pada masa yang sama Malaysia juga boleh bertindak sesuai hati tanpa memikirkkan kepentingan negara jiran.

"Timbalan Perdana Menteri datang sini kata nak timbang perkara ini tetapi menteri lain di republik itu pula mahu kerja-kerja itu diteruskan," kata Perdana Menteri kesal dengan sikap kerajaan Singapura itu.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, kerajaan sewajarnya menilai semula kerjasama dengan Singapura bagi memberi kesedaran kepada mereka tentang keperluan hubungan erat antara kedua-dua negara.

Sambil menyokong kenyataan Dr. Mahathir itu, beliau berkata, kenyataan itu kena pada masanya kerana republik itu masih berdegil meneruskan kerja-kerja penambakan laut walaupun mereka berjanji untuk menimbangkan kebimbangan Malaysia.

"Kita berharap Singapura dapat mengotakan janji-janji mereka yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri ketika melawat negara ini baru-baru ini," katanya.

Pengarah Eksekutif Pusat Kajian Strategik Antarabangsa, Abdul Razak Baginda berkata, Dr. Mahathir telah mengambil pendirian yang jelas dan kuat dengan meminta Singapura menghentikan projek berkenaan buat sementara waktu.

"Dengan sikap Singapura itu, Perdana Menteri meneambil pendirian yang jelas. dalam erti kata lain kita telah menendang bola masuk ke gelanggang untuk menyatakan bahawa kita tidak senang dengan tindakan mereka," katanya.

Mengulas lanjut, Razak mencadangkan agar Malaysia dan Singapura mempunyai sebuah suruhanjaya tetap bagi menetapkan agar setiap isu yang boleh menjejaskan kepentingan ke-

dua-dua negara dibincangkan dengan teliti.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula berpendapat ketegasan Perdana Menteri sememangnya diharapkan memandangkan sikap republik itu melambangkan mereka telah melupakan segala persefahaman yang dilafazkan dalam manifesto penubuhan ASEAN.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata: "Oleh itu kita menyokong penuh tindakan Perdana Menteri untuk mengkaji semula kerjasama dengan Singapura sekiranya negara tersebut terus berdegil meneruskan projek penambakan laut."

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pula akan menganjurkan roadshow secara besar-besaran di seluruh negara bermula di Johor bagi menyatakan bantahan rakyat terhadap sikap Singapura yang tidak mepedulikan pandangan Malaysia.

Presidennya, Datuk Suhaimi Ibrahi berkata, tindakan itu bagi memperlihatkan kepada para pemimpin Singapura bahawa rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan fahaman politik bersatu hati dalam isu tambak laut itu.

"Rakyat perlu mengembalikan tekanan yang dilakukan Singapura terhadap kerajaan kita, dia nampak macam kerajaan kita mengalah sebab itu mereka tidak pedulikan kita," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Datuk Muhammad Abdul Ghani berkata, Malaysia harus mengubah dasar daripada bertolak ansur kepada bertegas berhubung isu penambakan laut tersebut.

"Singapura sekarang agak berani kerana melihat Malaysia sebelum ini banyak bertolak ansur dalam beberapa isu yang tertangguh sejak sekian lama," ujarnya.

Isu-isu tersebut, menurut beliau, adalah penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura, penggunaan ruang udara oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman rakyat Malaysia dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura.

Timbalan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia, Ezaruddin Abdul Rahman pula berpendapat kaedah paling berkesan bagi 'mengajar' Singapura ialah dengan merunding semula perjanjian pembekalan air ke republik itu.

"Caranya, Malaysia harus mengenakan harga yang maksimum bagi setiap liter air yang dibekalkan ke Singapura sebagai tanda bantahan terhadap sikap republik itu yang mengambil mudah isu penambakan laut," katanya.